

01/11/2003

Dr Mahathir diserbu selepas solat Jumaat

PUTRAJAYA: Ribuan orang termasuk kakitangan kerajaan beresak-asak untuk bersalam buat kali terakhir dengan Tun Dr Mahathir Mohamad, sebelum beliau melepaskan jawatan Perdana Menteri sebaik selesai solat Jumaat di Masjid Putra di sini, semalam.

Dr Mahathir yang memakai sut kelabu, tidak menghampakan hasrat orang ramai walaupun cuaca panas serta keadaan tidak selesa akibat asakan orang ramai selama kira-kira 15 minit, bermula jam 1.35 tengah hari.

Orang ramai beresak-asak dan `bermandi peluh' dari tengah masjid hingga ke pintu kereta di pintu masuk utama masjid sejauh kira-kira 50 meter untuk bersalam dengan Perdana Menteri.

Tindakan orang ramai yang berpusu-pusu dan beresak-asak menyerbu Perdana Menteri, memaksa pengawal peribadinya membuat halangan bagi mengelak keadaan menjadi tidak terkawal. Ini menyebabkan ramai yang tidak dapat bersalam dengan Perdana Menteri.

Selain gelagat orang ramai yang tidak mahu melepaskan peluang bersalam dengan Dr Mahathir, jurugambar pula turut beresak-beresak untuk mengambil gambar Perdana Menteri yang sentiasa tersenyum kepada orang ramai.

Untuk memastikan mendapat gambar yang terbaik, ada jurugambar sanggup membawa tangga dan memanjat pagar pintu masjid.

Perdana Menteri turut melambai-lambaikan tangan sambil senyum kepada orang ramai yang tidak dapat bersalaman dengannya sebaik memasuki kereta yang bergerak perlahan-lahan meninggalkan masjid.

Terdahulu, Dr Mahathir tiba di pekarangan Masjid Putra kira-kira jam 1.15 tengah hari. Sebaik tiba, Perdana Menteri diserbu beberapa pelajar dan orang ramai termasuk wanita yang mahu bersalam tetapi beliau terpaksa mengelak terbatal air sembahyang.

Sebelum itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di masjid kira-kira jam 1 tengah hari.

Sebaik tiba, orang ramai juga tidak melepaskan peluang untuk bersalam dengannya termasuk seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun, Mohd Zahid Mohd Noor. Dia ditemani bapanya, Mohd Noor Alias dan ibu, Zyda Kasim.